

Bakal haji diminta reda, bersabar

Kerajaan tangguh penghantaran jemaah ke Makkah tahun ini

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Latifah Arifin
bhnewsh@bh.com.my

Kuala Lumpur: Semua bakal haji yang sepatutnya ke Tanah Suci tahun ini diminta reda, bersabar dan terus mendoakan yang terbaik susulan keputusan kerajaan menangguhkan penghantaran jemaah ke Makkah tahun ini berikutan penularan COVID-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata bukan Malaysia saja negara di rantau ini yang membuat ketetapan itu kerana Indonesia, Singapura, Kemboja, Thailand dan Brunei turut mengambil tindakan sama.

Katanya, keputusan itu dimuktamadkan selepas taklimat disampaikan Kementerian Kesihatan dan Lembaga Tabung Haji (TH) serta perbincangan dengan ahli

Mesyuarat Jawatankuasa Muazarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 9 Jun lalu.

Zulkifli memaklumkan, beliau turut mengadakan pertemuan dengan Duta Arab Saudi ke Malaysia kelmarin, bagi menyampaikan surat rasmi penangguhan penghantaran jemaah Malaysia menunaikan Rukun Islam kelima itu pada tahun ini.

“Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi di bawah kepemimpinan Raja Salman Abdulaziz atas usaha gigih membendung penularan jangkitan COVID-19 di Tanah Suci.

“Kami amat menghargai segala pengorbanan Kerajaan Arab Saudi dan wira barisan hadapan mereka yang masih bertungkus-lumus serta berterusan memerangi wabak ini, khususnya di dua Kota Suci yang dicintai seluruh umat Islam.

“Saya mengharapkan semua bakal haji bersabar dan reda dengan keputusan ini serta seluruh umat Islam di Malaysia untuk terus berdoa agar Allah SWT menghilangkan wabak ini sepenuhnya, memelihara Makkah dan Madinah daripada sebarang perkara tidak

diingini,” katanya.

Beliau yang mengadakan sidang media khas di sini, semalam, berkata keputusan berkenaan dibuat dengan berat hati memandangkan syarat istita'ah atau kemampuan untuk menunaikan ibadat itu, tidak dicapai untuk mewajibkannya.

“Sehingga kini, masih belum ada vaksin sesuai untuk mengengkang penyebaran virus COVID-19 yang meragut banyak nyawa di seluruh dunia.

“Ibadat haji berkait rapat dengan syarat istita'ah.

“Ia adalah kemampuan menunaikan haji dari aspek kesihatan, keselamatan, keizinan melaku-



Zulkifli Mohamad Al-Bakri

kan perjalanan ke Tanah Suci dan kewangan.

“Tanpa keupayaan atau kemampuan pada hal ini, maka menurut hukum syariah, syarat is-

tita'ah tidak dicapai untuk mewajibkan kita menunaikan haji,” katanya.

Ditanya sama ada kuota haji akan ditambah pada tahun depan bagi memberi peluang lebih ramai jemaah Malaysia menunaikan ibadat itu pada 2021, Zulkifli berkata, beliau akan berbincang mengenai perkara itu secara terperinci melalui kunjungan ke Arab Saudi kelak.

“Jika diizinkan, insya-Allah selepas selesai wabak ini, kami akan mengunjungi Arab Saudi untuk berbincang dan membina hubungan terbaik, mungkin termasuk membincangkan isu ini,” katanya.

Bakal jemaah tahun ini diutama 2021

Kuala Lumpur: Bakal jemaah haji yang giliran mereka diperuntukkan untuk tahun ini, akan diberi keutamaan menunaikan ibadat itu tahun depan.

Malah, bayaran haji yang sudah didebitkan akan dipulangkan semula mengikut kadar penuh ke dalam akaun Tabung Haji (TH) masing-masing dan turut layak menerima agihan keuntungan tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai

Eksekutif TH, Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, berkata keputusan Malaysia menangguhkan penghantaran jemaah tahun ini menunjukkan keprihatinan kerajaan dari aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan.

“TH akan menangguhkan semua urusan berkaitan operasi haji bagi Musim Haji 1441/2020 selaras keputusan kerajaan tidak menghantar jemaah haji negara ke Tanah Suci atas faktor keselamatan dan kesihatan,” katanya.